



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (53)

Tarikh 25 Oktober 2021

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2021:
SKIM PERLINDUNGAN INSURANS BAGI AKTIVITI SUKAN UNTUK STAF SEMUA
PENJAWATAN YANG MEWAKILI UPNM**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pejabat Pendaftar adalah bertujuan bagi menjelaskan pengambilan insurans perlindungan kepada staf yang menjalankan aktiviti-aktiviti sukan mewakili Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Kerajaan telah mengiktiraf aktiviti-aktiviti kebajikan dan sukan yang dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan, ini juga dipanjangkan kepada agensi badan berkanun seperti universiti awam. Kerajaan juga telah bersetuju untuk membantu pertubuhan-pertubuhan tersebut dari segi penggunaan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan.

- 2.2 Penglibatan staf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dalam aktiviti sukan adalah meliputi staf semua penjawatan yang ada di universiti ini. Semasa menjalankan aktiviti sukan ada kemungkinan mengalami kemalangan semasa menjalankan aktiviti ataupun semasa dalam perjalanan.
- 2.3 Bagi tujuan melindungi mereka semasa menjalankan aktiviti sukan ini, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dikehendaki mengambil insurans perlindungan bagi mereka yang terlibat. Perkara ini adalah selari dengan Surat Pekeliling AM Bil. 3 tahun 1991 bagi Skim Perlindungan Insurans Bagi Ahli-Ahli Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan.
- 2.4 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) secara perinsipnya telah bersetuju agar pihak Universiti membiayai perlindungan insurans tersebut sama ada melalui arahan atau mewakili UPNM untuk bertugas diluar Kampus termasuk menyertai acara sukan yang mewakili UPNM.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memberi perlindungan Insurans kepada staf semua penjawatan yang mewakili Universiti semasa menjalankan aktiviti sukan.
- 3.2 Meningkatkan semangat staf dalam setiap acara yang di ambil yang mana di lindungi oleh Insurans.

4.0 JENIS INSURANS

Jenis Insurans yang sesuai diambil ialah “**Insurans Kemalangan Persendirian Am Secara Berkelompok**”. Premium jenis ini tidaklah begitu mahal dan faedah-faedah yang dilindungi boleh dirangka mengikut kehendak dan kemampuan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

5.0 FAEDAH - FAEDAH

- 5.1 Faedah-faedah yang akan dilindungi boleh dirundingkan di antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan Syarikat-syarikat Insurans mengikut kehendak dan kemampuan Universiti.
- 5.2 Polisi-polisi yang perlu diambil di bawah insurans jenis ini boleh meliputi tempoh **24 jam** bagi apa-apa kemalangan yang menyebabkan kematian, hilang upaya akal, hilang upaya sementara, hilang upaya separuh badan kekal dan sementara serta lain-lain kecederaan di samping perbelanjaan perubatan.
- 5.3 Polisi insuran ini juga boleh diambil untuk tujuan melindungi staf semua penjawatan yang mewakili universiti untuk aktiviti sukan dari kemalangan jalanraya semasa menjalankan tugas-tugas berkaitan sukan.
- 5.4 Polisi-polisi yang diambil akan melindungi tempoh semasa semua penjawatan menjalankan kegiatan itu sahaja dan bukan untuk tempoh setahun (**Meliputi perjalanan pergi, semasa aktiviti sukan dan perjalanan pulang**)

6.0 JUMLAH POLISI YANG DILINDUNGI

Nilai polisi yang diambil bagi melindungi seseorang staf adalah mengikut pilihan dan kemampuan universiti. Premium "**Insurans Kemalangan Persendirian Am Secara Berkelompok**" ini hendaklah dibiayai oleh Univeristi Pertahanan Nasional Malaysia.

7.0 PEMILIHAN SYARIKAT INSURAN

Pemilihan Syarikat Insuran ini adalah tertakluk kepada penawaran yang dibuat oleh syarikat berkenaan yang mana meliputi semua perkara 5.0 yang telah dinyatakan. Kemampuan nilai Premium perlindungan Ini tertakluk kepada kemampuan dan keupayaan pihak Universiti untuk memberikan yang terbaik kepada staf yang mewakili universiti dalam setiap aktiviti sukan.

8.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- 5.1 Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2021;
- 5.2 EXCO Bilangan 2 Tahun 2021;
- 5.3 Mesyuarat LPU Kali Ke-46 Bilangan 2 Tahun 2021;
- 5.4 Surat Pekeliling AM Bil. 3 tahun 1991 bagi Skim Perlindungan Insuran Bagi Ahli-Ahli Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan; dan
- 5.5 Mana-mana pekeliling / surat pekeliling / surat edaran yang masih berkuat kuasa.

9.0 TARIKH KUAT KUASA PEMAKAIAN PEKELILING

Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2021 ini adalah berkuat kuasa mulai **September 2021**.

10.0 PENUTUP


Pekeliling Pejabat Pendaftar ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan atau bersara maka ianya tidak boleh dipanjangkan ke pihak berkuasa melantik yang lain.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,



FAZIELAH BINTI MOHAMAD
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia